



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (64)  
Tarikh : 7 Oktober 2021

## SIARAN MEDIA

---

### **PENERIMA MANFAAT RUMAH IKRAM KELUARGA MALAYSIA MULA DUDUKI KEDIAMAN DI PPR LEMBAH SUBANG 2, SELANGOR**

---

**SELANGOR, 7 Oktober 2021** - YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini **menyerahkan kunci** kepada sembilan orang penerima manfaat **Rumah IKRAM Keluarga Malaysia** yang akan mula menduduki kediaman di Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Selangor.

**Seramai 124 orang penerima Kumpulan Pertama telah pun ditawarkan untuk mendiami Rumah IKRAM Keluarga Malaysia secara berperingkat bermula 4 Oktober 2021.** Dari jumlah tersebut, **55 penerima** adalah terdiri daripada **Ketua Isi Rumah Wanita.**

Sejak dibuka, inisiatif Rumah IKRAM Keluarga Malaysia ini terus mendapat sambutan yang menggalakkan. **Sehingga 5 Oktober 2021, KPKT telah menerima sebanyak 690 permohonan dan 310 dari permohonan tersebut adalah permohonan yang terdiri dari Ketua Isi Rumah Wanita.**

Inisiatif Rumah Ikram Keluarga Malaysia ini telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri pada 24 September 2021 lalu, antara lain bertujuan untuk **memberi penampakan atau *cushion* kepada Keluarga Malaysia yang terkesan dan kehilangan tempat berteduh akibat daripada kesan pandemik COVID-19.**

Penerima manfaat rumah IKRAM Keluarga Malaysia ini akan menikmati **sewaan kediaman serendah RM124 bagi tempoh maksimum 2 tahun. Pengecualian bayaran sewaan untuk 6 bulan pertama juga akan turut diberikan kepada penerima.** Di samping itu, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan **pengecualian bayaran sewa sehingga akhir tahun 2022 bagi penghuni PPR sedia ada di bawah kawal selia dan pengurusan KPKT.**

Bagi memberi keselesaan kepada Keluarga Malaysia khususnya golongan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19, KPKT telah menyediakan **1,000 unit kediaman di kawasan PPR sedia ada termasuklah di Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan dan Johor** bagi fasa 1 sebagai langkah permulaan.

KPKT telah menerima cadangan tambahan Rumah Ikram Keluarga Malaysia sebanyak **877 unit PPR lagi di bawah Kerajaan Negeri Johor dan 30 unit PPR di bawah Kerajaan Negeri Perak.**

YB Dato' Sri Reezal Merican menyatakan rasa syukur beliau bahawa inisiatif Rumah Ikram Keluarga Malaysia telah mula memperlihatkan hasil dan memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia. Ia bertepatan dengan agenda KPKT dalam merawat keresahan rakyat serta meningkatkan keyakinan rakyat khususnya dalam fasa pasca penularan COVID-19.

Inisiatif bersifat proaktif ini juga merupakan sebahagian daripada **Agenda “Liveable Malaysia atau Malaysia Berdaya Huni”** yang digagaskan oleh YB Menteri melalui fungsi serta peranan KPKT. Malaysia Berdaya Huni ini juga merupakan agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sebarang pertanyaan mengenai program ini, boleh diajukan ke talian hotline Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT : 03-8891 4475.

#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat

**- TAMAT -**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)